

31 MAY 1996

Iran-MoU

MALAYSIA MAHU KAJI SEMULA MoU TERBANTUT

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Malaysia yakin ia mampu untuk menyelamatkan beberapa perjanjian dua hala dan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Iran yang tertangguh melalui Jawatakuasa Bersama Ekonomi Malaysia-Iran (JEC).

"Kami optimis bahawa kedua-dua negara boleh mengkaji semula perjanjian dan MoU melalui JEC ini," kata seorang diplomat Malaysia yang tidak mahu dikenali.

Beliau memberitahu Bernama hari ini bahawa Kuala Lumpur telah membangkitkan perkara itu beberapa kali dengan Tehran melalui mesyuarat JEC dan walaupun tidak ada tindakbalas positif dari Iran, beliau yakin "sesuatu akan dapat dilakukan".

Diplomat itu berkata perjanjian ini adalah antara perjanjian dan MoU yang ditandatangani hasil lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Iran pada April 1993, gagal disempurnakan kerana kerenah birokrasi kerajaan.

Sebagai contoh ialah MoU antara Ekran Berhad (Malaysia) dan Pihak Berkuasa Kawasan Perdagangan Bebas Qeshm (QFTAA) bagi membangunkan projek hotel di sebuah pulau.

Menurutnya projek itu, "boleh dikatakan sebagai hampir terbengkalai atau ..."

"Terdapat banyak perkara yang tidak menggalakkan pelabur Malaysia kerana sistem itu ... birokrasi kerajaan melambatkan pelaksanaan beberapa perjanjian dan MoU itu," kata diplomat itu.

Mou Ekran-QFTAA merupakan antara beberapa perjanjian kerjasama yang ditandatangani kerajaan Malaysia dan Iran yang telah menimbulkan "masalah".

MoU lain ialah yang ditandatangani antara Syarikat Pelaburan dan Pembangunan Pars Iran (PIDC) dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia bagi kerjasama pembungkusan membabitkan keluaran kelapa sawit di pasaran Iran;

MoU antara Kobena-KLG (Malaysia) dan Perbadanan Pembangunan dan Pengubahsuaian Iran bagi kedua-dua syarikat mengukuhkan kerjasama perniagaan dan teknikal dalam aktiviti gas dan minyak di kedua-dua negara; dan antara Kumpulan Besi Waja Iran dan Syarikat Pelaburan Malaysia-Bangladesh untuk membolehkan kedua-duanya meneroka kemungkinan kerjasama dalam bidang pembekuan dan pergudangan.

Antara perjanjian pula membabitkan kontrak bernilai AS\$600 juta antara Petronas dan Syarikat Minyak Nasional Iran bagi pembelian harian 55,000 tong minyak mentah Iran oleh syarikat petroleum Malaysia;

Kontrak kerjasama untuk pembangunan perkhidmatan jaring telekomunikasi di Pulau Qeshm Iran antara Technology Resources Industries Berhad dan QFTAA; dan perjanjian agensi antara Syarikat Pembangunan Perlombongan Eksport Iran dan Roslan Baba Architect untuk mengedarkan batu marmar dan granit di Malaysia.

Bagi memudahkan sektor swasta kedua-dua negara dalam menjayakan projek mereka, kerajaan Malaysia dan Iran turut menandatangani beberapa perjanjian.

Perjanjian awal meliputi jaminan pelaburan dan pengelakan cukai dua kali selaras dengan Penyusunan Pembayaran Duahala yang sedia ada antara kedua-dua negara.

Tiga MoU termasuk kemudahan kredit sebanyak RM50 juta bagi membeli

minyak kelapa sawit dan pembinaan kemudahan pukal 100,000 tan sama ada di Bandar Abbas atau Bandar Imam dan pembelian komoditi oleh sebuah syarikat Iran ditandatangani kemudian.

Sebagai contoh, diplomat itu berkata kemudahan kredit minyak kelapa sawit tidak digunakan sepenuhnya oleh Iran.

"Kita tidak tahu alasan mengapa ini terjadi," katanya sambil menambah kata pegawai-pegawai Malaysia telah beberapa kali cuba mendapatkan penjelasan dari pihak Iran.

Beliau berkata jumlah "kerugian" yang dialami pelabur Malaysia belum dapat ditentukan kerana persetujuan adalah secara langsung dengan rakan niaga masing-masing di Iran.

"Sebenarnya tidak ada faktor tarikan kepada pelabur kita di Iran dan kami berharap sesuatu dapat dilakukan untuk membetulkan keadaan ini," katanya.

-- BERNAMA

ES NJ AHH